



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
25 Oktober 2021**

PNB LANCAR WAKAF ASNB

Peluang untuk pemegang unit melabur dan beramal

KUALA LUMPUR, 25 Oktober 2021 – Permodalan Nasional Berhad (PNB), menerusi Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuhnya, telah memperkenalkan perkhidmatan baharu **Wakaf ASNB** hari ini. Perkhidmatan ini menyatakan konsep pelaburan dunia dan akhirat bagi membolehkan pelabur ASNB mewakafkan unit amanah mereka untuk manfaat kepada komuniti secara berterusan.

Wakaf ASNB berkonsepkan wakaf *muabbad* iaitu wakaf berkekalan yang mengambil pendekatan untuk menyimpan modal dana wakaf bagi menghasilkan potensi pulangan setiap tahun. Pulangan tersebut kemudian akan disalurkan kepada projek-projek wakaf dalam sektor kesihatan, pendidikan, pemerkasaan komuniti dan misi kemanusiaan.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria berkata, “Memperkenalkan **Wakaf ASNB** adalah langkah proaktif bagi PNB untuk memperkasa pengurusan wakaf di Malaysia, selaras dengan usaha Kerajaan mewujudkan Pelan Induk Wakaf Nasional. Wakaf ASNB membuka peluang kepada pelabur-pelabur kami untuk melabur sambil beramal.”

“**Wakaf ASNB** juga menjadi pelengkap kepada khidmat perancangan kewangan ASNB, merangkumi pelaburan yang pelbagai, serta kemudahan perwarisan melalui Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah,” tambah beliau.

Wakaf ASNB adalah hasil kerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang telah melantik ASNB sebagai Mutawalli iaitu pentadbir aset wakaf menerusi anak syarikat ASNB, ASNB Wakalah Sdn. Bhd (AWSB). Pelantikan ini membolehkan AWSB mengurus dan mengagihkan dana wakaf secara telus dan lancar ke projek-projek pembangunan ummah dan masyarakat bagi pihak pewakaf.

Pada majlis penyerahan watikah pelantikan AWSB sebagai Mutawalli yang diadakan di pejabat MAIWP baru-baru ini, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Mohd Nizam Yahya telah menyampaikan watikah kepada Pengerusi AWSB, Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin. Turut sama di majlis tersebut ialah Pengerusi MAIWP, Datuk Dr. Mohd Daud Bakar, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, dan Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif ASNB, Mohammad Hussin.

Kini semua pemegang unit Akaun Dewasa ASNB berbilang kaum boleh mewakafkan unit amanah mereka menerusi perkhidmatan **Wakaf ASNB** mulai hari ini di semua cawangan ASNB seluruh negara. Transaksi wakaf di portal dan aplikasi mudah alih myASNB akan bermula pada 1 November 2021 bagi semua dana ASNB, kecuali ASN Imbang 1 mulai 1 Disember 2021. Transaksi minimum **Wakaf ASNB** adalah sebanyak RM1,000 bagi unit amanah harga tetap dan harga berubah harga silam, dan 1,000 unit minimum bagi unit amanah harga berubah harga hadapan.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkhidmatan Wakaf ASNB, pemegang unit boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899 atau layari [laman web Wakaf ASNB](#).

- TAMAT -

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 260 bilion dan lebih 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

Unit Amanah Harga Tetap

Unit amanah ini ditawarkan dengan harga jualan dan belian pada harga tetap RM1.00 seunit. Terdapat dua siri unit amanah harga tetap iaitu siri ASB dan ASM. Siri ASB terdiri daripada Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik) untuk langganan Bumiputera, manakala siri ASM ialah Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan (ASM 2 Wawasan) dan Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) yang dibuka kepada seluruh rakyat Malaysia.

Unit Amanah Harga Berubah - Harga Silam

Unit amanah ini mempunyai harga seunit berubah setiap hari bergantung pada Nilai Aset Bersih (NAB) portfolio setiap dana unit amanah tersebut. Harga jualan dan belian adalah pada NAB seunit yang ditentukan berdasarkan harga silam dan dikira pada akhir hari urus niaga sebelumnya. Unit amanah harga berubah kategori harga silam terdiri daripada Amanah Saham Nasional (ASN), ASN Equity 2, ASN Equity 3, ASN Imbang 1, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1.

Unit Amanah Harga Berubah - Harga Hadapan

Unit amanah ini mempunyai harga seunit berubah setiap hari bergantung pada Nilai Aset Bersih (NAB) portfolio setiap dana unit amanah tersebut. Harga jualan dan belian adalah pada NAB seunit yang ditentukan berdasarkan harga masa hadapan. Unit amanah harga berubah kategori harga hadapan terdiri daripada ASN Equity 5, ASN Equity Global, ASN Imbang 3 Global dan ASN Sara 2.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad